



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Mukhlis Abu Bakar, & Sun, B. (2026). Bacaan rekreasi bercetak dan digital dalam kalangan murid sekolah rendah dwibahasa di Singapura. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*, 5(1), 48-66. <https://doi.org/10.32890/rentas2026.5.1.3>

BACAAN REKREASI BERCETAK DAN DIGITAL DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH DWIBAHASA DI SINGAPURA

(Print and Digital Leisure Reading among Bilingual Primary School Students in Singapore)

¹Mukhlis Abu Bakar & Baoqi Sun

Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura

¹Corresponding author: mukhlis.abubakar@nie.edu.sg

Received: 2/1/2026

Revised: 01/04/2026

Accepted: 17/05/2026

Published: 31/7/2026

ABSTRAK

Kajian ini meneliti bacaan rekreasi dalam bentuk bercetak dan digital dalam kalangan murid dwibahasa sekolah rendah di Singapura dengan memberi perhatian khusus kepada murid dwibahasa Melayu. Tabiat membaca dalam bahasa Inggeris dibandingkan dengan tabiat membaca dalam bahasa ibunda, iaitu Melayu, Cina dan Tamil. Selain itu, perbezaan antara bacaan bercetak dan bacaan digital turut dianalisis, khususnya semasa tempoh penutupan sekolah akibat *Circuit Breaker* 2020. Data dikumpulkan melalui soal selidik yang dijalankan di sekolah, melibatkan 5,133 orang murid daripada lapan buah sekolah rendah, serta perbincangan kumpulan fokus bersama 72 orang murid. Berteraskan perspektif penglibatan membaca atau *engaged reading*, dapatan kajian menunjukkan bahawa murid membaca dengan lebih kerap dalam bahasa Inggeris berbanding bahasa ibunda, dengan bacaan dalam bahasa Melayu berada pada tahap yang jauh lebih rendah berbanding bacaan dalam bahasa Cina. Bacaan bercetak kekal sebagai medium utama bagi semua kumpulan murid, manakala bacaan digital hanya diamalkan oleh sebilangan kecil murid. Dalam konteks ini, murid Melayu khususnya menghadapi kesukaran mencari dan mengakses bahan digital yang sesuai dalam bahasa Melayu. Secara keseluruhan, dapatan ini menimbulkan persoalan tentang kelestarian bacaan rekreasi bahasa ibunda, terutamanya bahasa Melayu, dalam landskap pendidikan dwibahasa di Singapura yang semakin didominasi oleh bahasa Inggeris dan penggunaan teknologi digital. Oleh itu, strategi bersepadu diperlukan untuk meningkatkan akses dan penglibatan dalam bacaan rekreasi bahasa ibunda, termasuk melalui sokongan institusi, bahan digital, serta pendekatan pedagogi yang menyeluruh.

Kata kunci: Bacaan rekreasi, bacaan bercetak, bacaan digital, kedwibahasaan.

ABSTRACT

This study examines print and digital leisure reading among bilingual primary school students in Singapore with particular attention to Malay bilingual students. Reading habits in English are compared with reading habits in the mother tongue languages, namely Malay, Chinese, and Tamil. In addition, differences between print and digital reading are analysed, particularly during the period of school closure due to the 2020 Circuit Breaker. Data were collected through a questionnaire administered in schools to 5,133 students from eight primary schools, as well as through focus group discussions with 72 students. Primarily informed by an engaged reading perspective, the findings indicate that students read more frequently in English than in their mother tongue languages, with reading in Malay occurring at substantially lower levels than reading in Chinese. Print remains the dominant reading medium across all student groups, while digital reading is practised by only a small proportion of students. In this context, Malay students in particular encounter difficulties in locating and accessing suitable digital reading materials in Malay. Overall, these findings raise concerns about the sustainability of leisure reading in the mother tongue languages, especially Malay, within Singapore's bilingual education landscape, which is increasingly shaped by the dominance of English and the expansion of digital technologies. The implications point to the need for integrated strategies to enhance access to and engagement in mother tongue leisure reading, including through institutional support, digital resources, and comprehensive pedagogical approaches.

Keywords: *Leisure reading, print reading, digital reading, bilingualism.*

PENGENALAN

Bacaan rekreasi atau *leisure reading* merujuk kepada kegiatan membaca yang dipilih secara sukarela oleh murid pada waktu lapang, sama ada melalui bahan bercetak atau digital, dan di luar tuntutan kurikulum. Aktiviti ini dilakukan secara sendiri, lazimnya untuk tujuan keseronokan, minat peribadi, atau sebagai peluasan kepada kemahiran membaca yang dipelajari dalam bilik darjah. Sebagai satu amalan literasi yang tidak berstruktur secara ketat, bacaan rekreasi memberi peluang kepada murid untuk meneroka pelbagai genre, membina kefasihan membaca, serta mengembangkan keupayaan mereka sebagai pembaca yang strategik dan reflektif.

Penyelidikan lepas menunjukkan bahawa bacaan rekreasi memainkan peranan penting dalam perkembangan literasi kanak-kanak, termasuk pengayaan kosa kata, pengukuhan pembelajaran sendiri, serta kesejahteraan emosi dan sosial (Guthrie & Wigfield, 2000). Prinsip bahawa membaca dikuasai melalui pengalaman membaca itu sendiri telah diujahkan secara berpengaruh dalam laporan *National Reading Panel* (NICHHD, 2000). Selari dengan itu, Krashen (2011), melalui konsep bacaan sukarela secara bebas (*Free Voluntary Reading*), menegaskan bahawa bacaan yang bersifat sukarela dan bermakna merupakan pemacu utama pembangunan literasi jangka panjang. Dapatan ini turut disokong oleh kajian lebih mutakhir yang menunjukkan bahawa bacaan ekstensif atau sukarela memberikan kesan positif terhadap kefahaman bacaan dan perkembangan bahasa (Nakanishi, 2015). Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini juga mengingatkan bahawa peluang untuk membaca secara sukarela bergantung pada akses kepada bahan, sokongan institusi, dan persekitaran literasi yang lebih luas.

Dalam konteks Singapura, dasar dwibahasa mewajibkan murid menguasai bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama serta salah satu daripada bahasa ibunda, iaitu bahasa Melayu, Cina atau Tamil (Ministry of Education, Singapore, t.t.). Walaupun dasar ini bertujuan mengekalkan bahasa ibunda sambil memastikan penguasaan bahasa global, beberapa kajian menunjukkan bahawa tabiat bacaan rekreasi murid

tidak teragih secara seimbang merentas bahasa. Majid et al. (2018), misalnya, mendapati bahawa murid lebih cenderung memilih bahan bacaan dalam bahasa Inggeris apabila membaca secara rekreasi, manakala bacaan dalam bahasa ibunda lebih kerap dikaitkan dengan keperluan akademik dan tugas sekolah. Corak ini mencadangkan bahawa bahasa yang berbeza berfungsi secara berlainan dalam pengalaman membaca murid, sekali gus menimbulkan persoalan tentang bagaimana fungsi dan makna membaca dibingkaikan oleh amalan kurikulum dan penilaian.

Situasi ini menjadi lebih kompleks semasa tempoh *Circuit Breaker* 2020. *Circuit Breaker* merupakan tempoh kawalan ketat yang dilaksanakan oleh Pemerintah Singapura antara April hingga Jun 2020 bagi membendung penularan COVID-19. Dalam tempoh ini, sekolah ditutup dan beralih kepada pembelajaran dari rumah (*Home-Based Learning*), tempat kerja yang tidak penting diarahkan tutup, manakala aktiviti sosial dan perhimpunan awam sangat terhad. Penduduk dikehendaki kekal di rumah kecuali untuk urusan penting seperti membeli makanan, mendapatkan rawatan perubatan, atau bekerja dalam sektor penting.

Kajian oleh Sun et al. (2021) menunjukkan bahawa penutupan sekolah dan perpustakaan telah menghadkan akses murid kepada bahan bacaan bercetak. Namun, peralihan kepada bacaan digital, khususnya dalam bahasa ibunda, tidak berlaku secara serentak. Hal ini mungkin disebabkan oleh keterbatasan ketersediaan bahan atau kekurangan kemahiran untuk mencari dan memilih sumber bacaan dalam talian. Keadaan ini bukan sahaja memperluas jurang antara bahasa Inggeris dan bahasa ibunda dalam bacaan rekreasi, tetapi juga mendedahkan had potensi teknologi apabila tidak disokong oleh bimbingan pedagogi dan ekologi penggunaan yang sesuai.

Bertitik tolak daripada latar ini, kajian ini bertujuan untuk meneliti kedudukan bacaan rekreasi dalam kalangan murid sekolah rendah dwibahasa di Singapura, dengan memberi perhatian khusus kepada perbezaan fungsi bahasa, akses kepada bahan, serta peranan institusi dalam membentuk tabiat membaca murid. Berteraskan perspektif penglibatan membaca atau *engaged reading*, kajian ini menekankan bahawa keseronokan membaca, jumlah bacaan dan akses kepada sumber saling menyokong dalam memupuk amalan bacaan rekreasi yang berterusan (Guthrie et al., 2007; Clark, 2012). Tumpuan khusus diberikan kepada murid dwibahasa Melayu sebagai satu kes analitik untuk memahami bagaimana ketidakseimbangan dalam ekologi bacaan dwibahasa mempengaruhi pengalaman membaca harian. Secara khusus, kajian ini membandingkan kecenderungan membaca dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa ibunda, serta meneliti perubahan medium bacaan semasa *Circuit Breaker* 2020 dan implikasinya terhadap kelestarian bacaan rekreasi, khususnya bagi murid Melayu.

SOROTAN LITERATUR

Bacaan rekreasi telah lama dikenal pasti sebagai komponen penting dalam perkembangan literasi kanak-kanak, khususnya melalui hubungan antara keseronokan membaca, jumlah bacaan, dan akses kepada bahan bacaan. Perspektif penglibatan membaca atau *engaged reading* yang dikemukakan oleh Guthrie dan Wigfield (2000) menegaskan bahawa murid yang terlibat secara aktif dalam bacaan cenderung membaca dengan lebih kerap. Penglibatan ini didorong oleh motivasi intrinsik dan disokong oleh peluang membaca yang mencukupi. Hasilnya, murid membina strategi membaca yang lebih mantap, serta mengembangkan identiti sebagai pembaca. Perspektif ini diperkukuh oleh tinjauan awal oleh Clark dan Rumbold (2006), yang menunjukkan bahawa bacaan untuk keseronokan berkait rapat dengan sikap positif terhadap membaca, penglibatan yang lebih tinggi, serta pencapaian literasi yang lebih baik. Kajian seterusnya oleh Clark (2012) turut mengesahkan bahawa kanak-kanak dan remaja yang membaca untuk keseronokan secara konsisten menunjukkan tahap pencapaian literasi yang lebih tinggi berbanding mereka yang tidak melakukannya. Dalam konteks ini, hubungan antara keseronokan membaca, jumlah bacaan dan akses

kepada bahan perlu difahami bukan sahaja sebagai faktor umum, tetapi sebagai amalan yang direalisasikan secara berbeza merentas bahasa dan medium bacaan dalam pengalaman murid.

Dapatan klasik ini terus disokong dan diperhalus oleh kajian-kajian terkini. Allington dan McGill-Franzen (2021) menunjukkan bahawa jumlah bacaan merupakan faktor yang konsisten berkait dengan pencapaian literasi, manakala kajian longitudinal oleh Torppa et al. (2020) mendapati bahawa bacaan rekreasi dan kefahaman bacaan saling menyokong sepanjang tempoh persekolahan. Laporan kontemporari seperti Clark et al. (2024) dan Scholastic (2024) pula menegaskan bahawa keseronokan membaca, masa untuk membaca, dan kebolehcapaian bahan kekal sebagai pemacu utama amalan membaca dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Namun demikian, seperti yang diujahkan oleh Cremin dan Scholes (2024), manfaat ini tidak terjamin secara automatik. Hal ini kerana peluang untuk membaca bagi keseronokan sering dibatasi oleh tekanan kurikulum, kekangan akses, serta cara membaca ditingkatkan dalam amalan kurikulum dan penilaian. Dari sudut dasar dan wacana pendidikan, peningkatan ini turut mencerminkan bagaimana ‘masalah’ dan keutamaan pendidikan dibentuk melalui naratif dasar, yang mempengaruhi cara membaca ditakrifkan dan dinilai dalam sistem sekolah (Luke, 2019).

Dalam persekitaran bacaan kontemporari, medium bacaan turut memainkan peranan penting dalam membentuk penglibatan membaca. Penyelidikan awal menunjukkan bahawa bacaan bercetak lebih menyokong pemahaman mendalam dan keterlibatan berpanjangan, manakala bacaan digital sering dikaitkan dengan pembacaan yang lebih pantas dan terpecah (Mangen et al., 2013; Baron, 2015, 2021). Kajian terkini menambah nuansa kepada perbincangan ini dengan menunjukkan bahawa kesan medium tidak boleh difahami secara terasing daripada ekologi penggunaannya. Loh dan Sun (2022) mendapati bahawa penggunaan teknologi mempengaruhi pilihan bacaan rekreasi, tetapi tidak semestinya meningkatkan penglibatan membaca secara mendalam. Loh et al. (2023) pula menunjukkan bahawa akses berterusan kepada peranti membentuk cara golongan muda berinteraksi dengan teks, namun lebih cenderung menyokong keterhubungan segera berbanding pembacaan berpanjangan. Loh et al. (2024) seterusnya mempersoalkan masa depan bacaan sukarela dalam persekitaran digital yang semakin dominan. Kesimpulannya, teknologi bukan sekadar medium alternatif, tetapi sebahagian daripada ekologi yang menentukan sama ada bacaan rekreasi dapat berlaku secara berterusan. Sehubungan itu, perbezaan antara bacaan bercetak dan digital menjadi satu dimensi penting dalam memahami bagaimana medium menyokong atau membataskan penglibatan membaca murid.

Dalam konteks Singapura, persoalan penglibatan membaca perlu difahami dalam landskap pendidikan dwibahasa yang unik, di mana bahasa Inggeris berfungsi sebagai bahasa utama pendidikan, manakala bahasa ibunda diajarkan sebagai mata pelajaran. Kajian tempatan menunjukkan bahawa tabiat membaca murid mencerminkan pembahagian fungsi bahasa ini. Sun et al. (2020) serta Majid, Ng dan Su (2018) mendapati bahawa murid cenderung membaca lebih banyak dalam bahasa Inggeris untuk tujuan rekreasi, manakala bacaan dalam bahasa ibunda lebih kerap dikaitkan dengan keperluan akademik dan tugas sekolah. Penekanan terhadap fungsi akademik bahasa Melayu turut bergema dengan dapatan dalam konteks Malaysia, di mana teks dan bahan pengajaran sering ditingkatkan melalui lensa pembelajaran formal, sekali gus meletakkan penglibatan murid dengan teks dalam kerangka yang lebih instruksional berbanding kreatif (Samaon et al., 2025). Ini menunjukkan bahawa keseronokan membaca, jumlah bacaan, dan akses kepada bahan, seperti yang ditekankan dalam perspektif penglibatan membaca, tidak diagihkan secara seimbang merentas bahasa. Dalam erti kata lain, syarat-syarat yang menyokong bacaan rekreasi lebih tersedia dalam bahasa Inggeris berbanding bahasa ibunda. Keadaan ini menunjukkan bahawa tabiat membaca perlu difahami secara perbandingan merentas bahasa, dengan mengambil kira bagaimana fungsi bahasa yang berbeza diterjemahkan dalam amalan bacaan rekreasi.

Ketidakseimbangan ini menjadi lebih jelas dalam situasi gangguan seperti *Circuit Breaker* 2020. Kajian oleh Sun et al. (2021) menunjukkan bahawa apabila akses kepada bahan bercetak terhad, peralihan kepada bacaan digital tidak berlaku secara sekata, khususnya bagi bahasa ibunda. Murid menghadapi kekangan dari segi ketersediaan bahan digital serta kemahiran mencari bahan yang sesuai, sekali gus menjejaskan kesinambungan bacaan rekreasi. Dapatan ini menegaskan bahawa akses kepada bahan bacaan tidak boleh diandaikan wujud secara sama rata merentas bahasa dan medium. Akses kepada bahan merupakan salah satu komponen utama dalam perspektif penglibatan membaca. Dalam hal ini, tempoh gangguan seperti *Circuit Breaker* menyediakan konteks penting untuk meneliti bagaimana perubahan dalam akses bahan mempengaruhi peralihan antara bacaan bercetak dan digital, khususnya dalam bahasa ibunda.

Dalam ekologi yang lebih luas, bacaan rekreasi dalam bahasa ibunda juga berkait dengan kelestarian bahasa. Fishman (1991) menegaskan bahawa penggunaan bahasa dalam domain harian, termasuk bacaan rekreasi, merupakan asas kepada pengekalan bahasa. Apabila peluang untuk membaca secara sukarela dalam bahasa ibunda terhad, bahasa tersebut berisiko terpinggir kepada fungsi simbolik dan akademik semata-mata. Dalam keadaan ini, peranan institusi seperti sekolah dan perpustakaan menjadi kritikal. Literatur menunjukkan bahawa penyediaan akses kepada bahan bacaan dan peluang membaca melalui institusi boleh menyokong jumlah bacaan dan motivasi membaca (Allington & McGill-Franzen, 2021), sekali gus bertindak sebagai faktor pengimbang terhadap ketidaksamaan akses di rumah.

Walaupun kajian-kajian terdahulu memberikan asas yang kukuh tentang hubungan antara keseronokan membaca, jumlah bacaan, dan akses kepada bahan, terdapat beberapa kelompangan penting dalam konteks Singapura. Pertama, masih kurang kajian yang meneliti tabiat membaca dalam kalangan murid sekolah rendah dwibahasa secara khusus. Kedua, kajian tempatan cenderung membincangkan bahasa ibunda secara umum tanpa membezakan pengalaman murid Inggeris-Cina, Inggeris-Melayu dan Inggeris-Tamil. Ketiga, masih kurang kajian yang menggabungkan secara serentak dimensi bahasa dan medium, iaitu bagaimana murid membaca merentas bahasa dan antara bacaan bercetak dan digital. Keempat, peranan institusi seperti sekolah dan perpustakaan dalam menyokong bacaan rekreasi bahasa ibunda masih belum diteliti secara mendalam dalam konteks setempat. Selain itu, variasi pengalaman antara kumpulan dwibahasa, khususnya dalam kalangan murid Melayu, masih belum dihuraikan secara mendalam dalam memahami ketidakseimbangan ekologi bacaan ini.

Kelompangan ini menunjukkan keperluan untuk satu kajian yang meneliti tabiat membaca murid sekolah rendah dwibahasa di Singapura secara lebih menyeluruh, dengan menggabungkan dimensi bahasa, medium, akses, dan pengalaman murid. Berpandukan perspektif penglibatan membaca, kajian ini meneliti bacaan rekreasi dalam bentuk bercetak dan digital dalam kalangan murid dwibahasa sekolah rendah di Singapura, dengan memberi perhatian khusus kepada murid dwibahasa Melayu. Tabiat membaca dalam bahasa Inggeris dibandingkan dengan tabiat membaca dalam bahasa ibunda, iaitu Melayu, Cina dan Tamil. Selain itu, perbezaan antara bacaan bercetak dan bacaan digital turut dianalisis, khususnya semasa tempoh penutupan sekolah akibat *Circuit Breaker* 2020.

METODOLOGI

Berpaksikan jurang yang dikenal pasti dalam literatur, khususnya keperluan untuk meneliti secara serentak corak bacaan rekreasi merentas bahasa dan medium, serta pengalaman murid dalam konteks institusi dan rumah, kajian ini menggunakan kaedah campuran. Kaedah ini merangkumi soal selidik kuantitatif dan kumpulan fokus kualitatif. Untuk mendapatkan sampel yang representatif, persampelan berstrata digunakan dengan merujuk kepada jenis sekolah seperti yang dihuraikan dalam Education Statistics Digest (Ministry of Education, 2024), iaitu Sekolah Rancangan Bantuan Khas (SAP), sekolah bantuan pemerintah

bukan SAP, dan sekolah pemerintah. Proses pemilihan peserta dijalankan melalui rangkaian sedia ada anggota pasukan pengkaji bagi memastikan perwakilan etnik dan jantina yang pelbagai.

Data kuantitatif diperoleh melalui soal selidik dalam talian yang dibangunkan dan ditadbir menggunakan platform Qualtrics, yang membolehkan pengurusan respons secara sistematik, penggunaan logik laluan, serta pengeksportan data untuk analisis statistik (Creswell & Creswell, 2018; Dillman et al., 2014). Soal selidik telah ditadbir kepada 5,133 orang murid Tahun 3 hingga Tahun 5 dari lapan buah sekolah rendah, dengan 4,326 orang murid (84.3%) melengkapkan soal selidik tersebut. Daripada jumlah ini, 2,971 orang murid merupakan murid dwibahasa Inggeris-Cina (68.7%), 780 orang murid dwibahasa Inggeris-Melayu (18.0%), 315 orang murid dwibahasa Inggeris-Tamil (7.3%), manakala 260 orang murid (6.0%) mengambil bahasa ibunda lain atau dikecualikan daripada pengambilan bahasa ibunda. Soalan soal selidik merangkumi tabiat membaca, bahasa pilihan, jenis bahan bacaan, serta penggunaan medium bercetak dan digital.

Untuk melengkapkan dapatan kuantitatif, data kualitatif dikumpul melalui sesi kumpulan fokus bersama 36 orang murid Tahun 4 dan 36 orang murid Tahun 5 dari sebuah sekolah kes kajian. Kaedah ini sesuai untuk meneroka pengalaman, sikap dan amalan membaca dari perspektif murid secara lebih mendalam melalui interaksi kumpulan (Krueger & Casey, 2015). Perbincangan kumpulan fokus bersama murid bertujuan mendapatkan pandangan yang lebih terperinci mengenai motivasi membaca, cabaran dalam akses kepada bahan bacaan, serta pengalaman semasa *Circuit Breaker*. Penggunaan kumpulan fokus bersama murid mengikuti garis panduan metodologi yang menekankan soalan terbuka, bahasa yang sesuai dengan tahap perkembangan murid, serta pengurusan dinamik kumpulan dan pertimbangan etika (Hennessy et al., 2001). Gabungan kedua-dua kaedah ini membolehkan triangulasi data serta pemahaman yang lebih menyeluruh tentang tabiat bacaan rekreasi murid dwibahasa sekolah rendah (Harun Baharudin, 2025).

ANALISIS

Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid dwibahasa sekolah rendah membaca atas pelbagai sebab dalam bahasa Inggeris dan bahasa ibunda. Aktiviti membaca ini merangkumi tujuan keseronokan serta tujuan fungsional, yang sebahagiannya mungkin dipengaruhi oleh fokus sukatan pelajaran (Jadual 1). Bacaan dalam bahasa Inggeris didorong terutamanya oleh keseronokan dan minat peribadi, dengan murid membaca secara sukarela untuk hiburan, penghayatan cerita, dan kepuasan diri. Sebaliknya, bacaan dalam bahasa ibunda lebih kerap dikaitkan dengan tujuan instrumental, khususnya untuk meningkatkan prestasi akademik, memenuhi keperluan pembelajaran di sekolah, dan memperoleh markah yang lebih baik dalam penilaian. Corak ini mencadangkan bahawa bacaan rekreasi dalam bahasa Inggeris dialami sebagai aktiviti pilihan sendiri, manakala bacaan dalam bahasa ibunda lebih sering ditafsirkan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab akademik. Dapatan ini mencerminkan bagaimana penekanan kurikulum dan amalan penilaian membentuk orientasi murid terhadap bacaan dalam kedua-dua bahasa, sekali gus mewujudkan pengalaman membaca yang tidak seimbang dari segi fungsi dan makna merentas bahasa.

Jadual 1

Sebab-sebab Membaca

	Inggeris	Cina	Melayu	Tamil
1	Keseronokan	Keputusan lebih baik	Keputusan lebih baik	Keputusan lebih baik
2	Mempelajari perkara baharu	Menambah baik bahasa	Mempelajari perkara baharu	Menambah baik bahasa
3	Keputusan lebih baik	Mempelajari perkara baharu	Menambah baik bahasa	Mempelajari perkara baharu
4	Istirahat	Keseronokan	Keseronokan	Keseronokan
5	Menambah baik bahasa	Istirahat	Istirahat	Istirahat

Dua pemacu utama yang mendorong murid dwibahasa untuk membaca lebih banyak adalah konsisten merentas semua bahasa (Jadual 2): murid menyatakan mereka akan lebih banyak membaca jika ada lebih banyak masa dan jika membaca itu lebih menyeronokkan. Selepas dua faktor bersama ini, corak mula berbeza antara bahasa Inggeris dan bahasa ibunda, serta antara bahasa-bahasa ibunda. Untuk bahasa Inggeris, faktor seterusnya lebih tertumpu pada tarikan kandungan dan ketersediaan pilihan bacaan, iaitu topik yang menarik dan jumlah buku yang tersedia yang disukai murid. Sebaliknya, bagi bahasa ibunda, item yang menonjol lebih berorientasikan kebolehcapaian dan kemudahan membaca: murid Cina dan Tamil menekankan bahan yang lebih mudah dibaca manakala murid Melayu menekankan tahu apa yang hendak dibaca. Faktor seterusnya lebih rencam antara bahasa-bahasa ibunda: murid Cina menekankan tahu apa yang hendak dibaca; murid Melayu menekankan bahan yang lebih mudah dibaca; murid Tamil menonjolkan satu keunikan yang tidak muncul pada bahasa lain, iaitu ceritanya lebih pendek.

Jadual 2

Sebab-sebab Lebih Banyak Membaca

Saya akan membaca lebih banyak buku bahasa Inggeris/bahasa Ibunda jika ...								
	Inggeris	%	Cina	%	Melayu	%	Tamil	%
1	Saya ada lebih banyak masa	67.4	Saya ada lebih banyak masa	53.8	Saya ada lebih banyak masa	57.8	Saya ada lebih banyak masa	58.4
2	Ia lebih menyeronokkan	54.4	Ia lebih menyeronokkan	53.6	Ia lebih menyeronokkan	52.3	Ia lebih menyeronokkan	52.3
3	Ia mengenai topik menarik	44.7	Saya rasa membaca lebih mudah	41.3	Saya tahu apa yang hendak dibaca	35.8	Saya rasa membaca lebih mudah	33.9
4	Saya ada lebih banyak buku yang saya suka	43.0	Saya tahu apa yang hendak dibaca	37.4	Saya rasa membaca lebih mudah	30.8	Ceritanya lebih pendek	33.6
5	Saya tahu apa yang hendak dibaca	34.5	Ia mengenai topik menarik	34.1	Ia mengenai topik menarik	30.0	Saya tahu apa yang hendak dibaca	31.9


Secara ringkas, jadual ini menunjukkan bahawa masa dan keseronokan merupakan prasyarat universal untuk membaca. Namun, corak ini berbeza mengikut bahasa. Bacaan dalam bahasa Inggeris cenderung

dipacu oleh minat dan plihan bahan. Sebaliknya, bacaan dalam bahasa ibunda lebih dipacu oleh kemudahan serta kejelasan dalam pemilihan bahan. Bagi bahasa Tamil pula, terdapat keperluan tambahan, iaitu kecenderungan terhadap teks yang lebih ringkas.

Dapatan kajian menunjukkan tahap keseragaman yang tinggi dalam jenis bahan bacaan yang digemari oleh murid dwibahasa sekolah rendah, merentas bahasa Inggeris dan bahasa ibunda (Rajah 1). Secara konsisten, buku cerita dan komik muncul sebagai dua kategori bahan bacaan yang paling digemari dalam semua bahasa. Dapatan ini menunjukkan keutamaan murid terhadap bahan yang bersifat naratif dan visual. Bahan seperti ini juga lebih mudah diakses dari segi tahap bahasa. Corak ini adalah serupa bagi bacaan dalam bahasa Inggeris serta bahasa ibunda, tanpa perbezaan ketara antara bahasa Cina, Melayu dan Tamil. Ini menunjukkan bahawa citarasa murid terhadap genre bacaan ini adalah stabil merentas bahasa, terutama buku cerita. Sebaliknya, bahan bacaan bukan fiksyen seperti majalah, akhbar atau buku maklumat menunjukkan tahap keutamaan yang lebih rendah secara keseluruhan, dan perbedaannya antara bahasa adalah kecil serta tidak menonjol.

Rajah 1

Bahan Bacaan yang Digemari



Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa perbezaan tabiat membaca murid dwibahasa merentas bahasa bukan berpunca daripada perbezaan genre yang diminati. Sebaliknya, perbezaan ini lebih berkemungkinan berkaitan dengan faktor lain, seperti akses kepada bahan, kemudahan membaca, serta konteks penggunaan bahasa tersebut.


Akses Pelajar kepada Bahan Bacaan

Dapatan kajian menunjukkan perbezaan yang ketara dalam pemilikan buku di rumah mengikut bahasa, dengan bahasa Inggeris jauh mendahului bahasa ibunda dalam semua kumpulan murid (Rajah 2). Secara keseluruhan, murid memiliki lebih banyak buku dalam bahasa Inggeris berbanding dengan buku dalam bahasa ibunda, yang menandakan dominasi bahasa Inggeris dalam persekitaran literasi di rumah. Apabila dibandingkan antara bahasa-bahasa ibunda, wujud perbezaan yang jelas: murid Cina melaporkan pemilikan buku bahasa ibunda yang lebih tinggi berbanding murid Melayu dan Tamil. Dalam kalangan ketiga-tiga kumpulan, murid Melayu menunjukkan tahap pemilikan buku dalam bahasa ibunda yang paling rendah, dengan sebahagian besar melaporkan memiliki antara sifar hingga sepuluh peratus buku dalam bahasa Melayu di rumah. Corak ini menunjukkan bahawa murid Melayu berada dalam kedudukan yang lebih terhad dari segi akses kepada bahan bacaan dalam bahasa ibunda di rumah, sekali gus meningkatkan kebergantungan mereka kepada sumber berasaskan sekolah dan perpustakaan untuk bacaan dalam bahasa Melayu.

Secara keseluruhan, dapatan ini menonjolkan ketidakseimbangan yang ketara antara bahasa Inggeris dan bahasa ibunda dalam ekologi bacaan di rumah. Selain itu, terdapat juga jurang dalaman antara bahasa-bahasa ibunda. Jurang ini berpotensi memberi implikasi terhadap peluang bacaan rekreasi serta pembangunan literasi dwibahasa dalam kalangan murid sekolah rendah.

Rajah 2


Bilangan Buku yang Dimiliki di Rumah



Dapatan kajian menunjukkan beberapa corak yang konsisten dalam lawatan murid ke perpustakaan dan peminjaman buku, merentas bahasa Inggeris dan bahasa ibunda (Rajah 3). Secara umum, murid sekolah rendah melawat perpustakaan sekolah dengan lebih kerap berbanding perpustakaan awam, termasuk perpustakaan yang diuruskan oleh Lembaga Perpustakaan Negara (NLB). Corak ini tidak menunjukkan perbezaan ketara mengikut bahasa, dan mencerminkan peranan perpustakaan sekolah sebagai titik akses utama kepada bahan bacaan harian. Namun demikian, dari segi bilangan buku yang dipinjam, murid secara keseluruhan meminjam lebih banyak buku daripada perpustakaan awam berbanding perpustakaan sekolah. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun lawatan ke perpustakaan sekolah lebih kerap, koleksi dan pilihan di perpustakaan awam menyokong peminjaman dalam jumlah yang lebih besar.

Rajah 3

Lawatan ke Perpustakaan dan Bilangan Buku yang Dipinjam



Apabila diteliti mengikut bahasa ibunda, perpustakaan sekolah muncul sebagai sumber yang lebih signifikan bagi bahan bacaan dalam bahasa Melayu dan Tamil, berbanding bahasa Cina. Corak ini mencerminkan peranan kompensatori sekolah dalam menyediakan akses kepada bahan bacaan bahasa ibunda tertentu. Dalam konteks ini, murid Melayu khususnya menunjukkan kebergantungan yang lebih tinggi kepada perpustakaan sekolah untuk mendapatkan bahan bacaan bahasa Melayu, selari dengan dapatan terdahulu bahawa koleksi buku Melayu di rumah adalah terhad.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun corak lawatan dan peminjaman perpustakaan kelihatan serupa merentas bahasa, fungsi perpustakaan sekolah dan perpustakaan awam sebenarnya berbeza mengikut bahasa. Perbezaan ini mempunyai implikasi khusus terhadap akses kepada bahan bacaan bahasa ibunda, khususnya bagi murid Melayu.

Dapatan seterusnya menunjukkan bahawa perpustakaan awam merupakan sumber utama bahan bacaan bagi murid sekolah rendah, merentas bahasa Inggeris dan bahasa ibunda. Hal ini menandakan peranan penting perpustakaan awam dalam menyokong tabiat membaca rekreasi murid secara umum (Jadual 3). Walau bagaimanapun, perbezaan yang ketara muncul apabila diteliti mengikut bahasa. Bagi bahasa Inggeris, murid lebih banyak bergantung pada perpustakaan awam dan pembelian buku sebagai sumber bacaan, mencerminkan ketersediaan bahan yang luas dan mudah diakses di luar konteks sekolah. Sebaliknya, bagi bahasa ibunda, khususnya bahasa Melayu dan Tamil, perpustakaan sekolah muncul sebagai sumber yang jauh lebih signifikan berbanding bagi bahasa Cina. Corak ini menunjukkan bahawa sekolah memainkan peranan penting dalam menyediakan akses kepada bahan bacaan bahasa ibunda tertentu yang mungkin kurang tersedia di rumah atau di pasaran arus perdana. Dalam kes murid Melayu, kebergantungan terhadap perpustakaan sekolah adalah lebih menonjol, selari dengan dapatan terdahulu mengenai pemilikan buku Melayu yang rendah di rumah.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa perpustakaan awam merupakan sumber utama bahan bacaan merentas bahasa. Namun, perpustakaan sekolah memainkan peranan pengimbang yang penting dalam menyediakan akses kepada bahan bacaan dalam bahasa ibunda, khususnya bagi murid Melayu dan Tamil. Hal ini menegaskan kepentingan sokongan berasaskan sekolah dalam ekologi bacaan dwibahasa murid sekolah rendah.

Jadual 3

Sumber Bahan Bacaan yang Digemari

	Inggeris	Cina	Melayu	Tamil
1	Perpustakaan awam	Perpustakaan awam	Perpustakaan awam	Perpustakaan awam
2	Kedai buku	Kedai buku	Kedai buku	Perpustakaan sekolah
3	Rumah	Rumah	Perpustakaan sekolah	Kedai buku
4	Perpustakaan sekolah	Perpustakaan sekolah	Rumah	Rumah
5	Sumber dalam talian / e-buku	Sumber dalam talian / e-buku	Sumber dalam talian / e-buku	Sumber dalam talian / e-buku

Membaca sebagai Aktiviti Rekreasi dan Teknologi: Pengajaran daripada *Circuit Breaker* (CB) 2020

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembacaan bahan digital dalam kalangan murid sekolah rendah masih terhad, dengan pola yang agak konsisten merentas bahasa Inggeris dan bahasa ibunda (Jadual 4). Sebahagian besar murid melaporkan bahawa mereka tidak membaca e-buku langsung, atau hanya

membaca bahan digital dengan kekerapan yang rendah dan tempoh yang singkat. Hal ini menunjukkan bahawa bacaan digital belum menjadi sebahagian daripada tabiat bacaan rekreasi harian murid.

Walau bagaimanapun, bacaan digital dalam bahasa Inggeris secara relatifnya lebih kerap dan melibatkan tempoh yang lebih panjang berbanding dengan bacaan digital dalam bahasa ibunda. Corak ini mencerminkan ketersediaan bahan digital bahasa Inggeris yang lebih luas, serta tahap kebiasaan murid dengan bahasa tersebut dalam persekitaran digital.

Bagi bahasa ibunda, bacaan digital kekal terhad merentas semua kumpulan, dengan perbezaan antara bahasa yang tidak begitu ketara. Namun, dalam kalangan murid Melayu, bacaan digital dalam bahasa Melayu hampir tidak berlaku (Shaharir, 2022). Hal ini sejajar dengan kekurangan bahan bacaan digital Melayu yang sesuai untuk peringkat sekolah rendah, serta ketiadaan bimbingan yang konsisten dalam penggunaan platform bacaan digital berbahasa Melayu.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa akses kepada peranti digital semakin meningkat. Namun, penggunaannya untuk tujuan membaca masih rendah, terutamanya dalam bahasa ibunda. Hal ini bermakna manfaat teknologi terhadap bacaan rekreasi murid dwibahasa belum dimanfaatkan sepenuhnya.

Jadual 4

Kekerapan dan Tempoh Membaca Bahan Digital

Kekerapan membaca bahan digital (%)					Tempoh membaca bahan digital (%)				
	Inggeris	Cina	Melayu	Tamil		Inggeris	Cina	Melayu	Tamil
tidak sama sekali	39.2	63.9	54.7	58.4	tidak sama sekali	39.2	63.9	54.7	58.4
hanya semasa cuti sekolah	21.2	13.9	18.8	14.3	< 15 minit	17.2	11.3	17.4	12.7
2 - 3 kali sebulan	12.8	10.1	10.6	11.7	15-30 minit	23.2	13.4	18.5	17.8
2 - 3 kali seminggu	15.9	8.0	10.3	13.0	31-60 minit	15.1	6.4	4.9	6.7
hampir setiap hari	10.9	4.1	5.5	2.6	> 1 jam	9.7	4.0	2.2	3.5

Buku bercetak kekal sebagai medium membaca yang paling digemari oleh murid sekolah rendah merentas bahasa Inggeris dan bahasa ibunda, tanpa perbezaan ketara antara bahasa (Jadual 5). Keutamaan ini mencerminkan keselesaan murid dengan format bercetak serta kesesuaiannya dengan tahap perkembangan kognitif dan literasi murid sekolah rendah. Walau bagaimanapun, apabila melibatkan bacaan digital, perbezaan mula muncul dari segi jenis peranti yang digunakan. Untuk bacaan dalam bahasa Inggeris, murid lebih cenderung menggunakan komputer dan tablet, manakala penggunaan telefon pintar adalah lebih terhad dan sering dikaitkan dengan aktiviti hiburan berbanding membaca.

Bagi bahasa ibunda, penggunaan peranti digital untuk membaca adalah secara keseluruhan lebih rendah, dan coraknya adalah serupa merentas bahasa Cina, Melayu dan Tamil. Dalam kalangan murid Melayu khususnya, bacaan dalam bahasa Melayu hampir sepenuhnya bergantung pada bahan bercetak.

Penggunaan peranti digital untuk membaca adalah sangat minimum. Hal ini mencerminkan kekangan dari segi ketersediaan bahan digital Melayu yang sesuai, serta kebiasaan membaca yang masih berpusat pada buku fizikal.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun peranti digital semakin hadir dalam kehidupan murid, buku bercetak masih kekal sebagai medium bacaan utama. Peralihan kepada bacaan digital, terutamanya dalam bahasa ibunda, masih belum berlaku secara meluas dalam kalangan murid sekolah rendah dwibahasa.

Jadual 5

Peranti Membaca yang Digemari

Kedudukan	Darjah 3	Darjah 4	Darjah 5	Men 1	Men 2	Men 3	Men 4
(Keputusan bahasa Inggeris dan bahasa ibunda serupa)				(Keputusan bahasa Inggeris berdasarkan projek dengan sekolah menengah)			
1	bercetak	bercetak	bercetak	bercetak	telefon pintar	telefon pintar	telefon pintar
2	tablet	tablet	komputer/ telefon pintar	telefon pintar	bercetak	bercetak	bercetak
3	komputer	komputer		komputer	komputer	komputer	komputer
4	telefon pintar	telefon pintar	telefon pintar	tablet	tablet	tablet	tablet
5	Pembaca e-buku	Pembaca e-buku	Pembaca e-buku	Pembaca e-buku	Pembaca e-buku	Pembaca e-buku	Pembaca e-buku

Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid sekolah rendah membezakan dengan jelas tujuan dan pengalaman membaca bahan bercetak dan bahan digital. Bahan bercetak lebih kerap dikaitkan dengan bacaan yang bermakna dan disengajakan. Sebaliknya, bahan digital sering bersaing dengan aktiviti hiburan lain.

Dalam perbincangan kumpulan fokus, murid menyatakan bahawa buku bercetak memudahkan mereka mencari bahan yang sesuai serta membaca secara berterusan tanpa gangguan. Seorang murid menjelaskan bahawa *“I can’t always find what I want from the internet... going to the library is better”* (“Saya tidak selalu dapat mencari apa yang saya mahu di internet... pergi ke perpustakaan lebih baik”), manakala seorang lagi menambah bahawa memiliki buku sendiri membolehkan mereka membaca tanpa tekanan masa: *“If the books are yours, you can take your own sweet time to read them”* (“Jika buku itu milik kita sendiri, kita boleh membaca mengikut masa kita tanpa tergesa-gesa”).

Sebaliknya, bacaan digital digambarkan sebagai kurang intuitif dan mudah terganggu oleh tarikan aplikasi lain. Apabila ditanya mengapa mereka jarang membaca buku secara dalam talian, seorang murid menyatakan secara terus terang, *“When I open my computer, my phone, the games are there, very convenient”* (“Apabila saya membuka komputer atau telefon saya, permainan sudah ada di situ, sangat mudah diakses”). Seorang murid lain pula mengakui kesukaran mengekalkan fokus apabila berhadapan dengan aplikasi digital: *“Once I open [the app], I cannot stop”* (“Apabila saya membuka aplikasi itu, saya tidak dapat berhenti”). Perbualan ini menunjukkan bahawa bagi murid sekolah rendah, isu utama bukan

sekadar akses kepada peranti, tetapi kemudahan navigasi, kejelasan pilihan, dan kawalan gangguan, yang menjadikan bahan bercetak lebih seajar dengan tujuan membaca berbanding bahan digital.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa perbezaan antara bacaan bercetak dan bacaan digital dalam kalangan murid bukan sekadar terletak pada medium. Sebaliknya, perbezaan ini berkait dengan ekologi penggunaan yang mengelilingi setiap medium. Bahan bercetak menyokong fokus dan keterlibatan murid, manakala peranti digital memerlukan sokongan dan bimbingan yang lebih terancang untuk berfungsi sebagai medium bacaan yang berkesan.

Dapatan dalam Jadual 6 menunjukkan bahawa bagi kebanyakan murid sekolah rendah, penggunaan peranti digital berkait dengan pengurangan aktiviti membaca, menandakan hubungan yang bersifat bersaing antara kedua-duanya. Sebahagian besar murid melaporkan bahawa mereka membaca kurang apabila penggunaan peranti meningkat, khususnya semasa tempoh *Circuit Breaker*. Pada waktu ini, masa skrin bertambah dan rutin persekolahan terganggu. Corak ini konsisten merentas tahap darjah yang dikaji (Darjah 3 hingga 5), menunjukkan bahawa isu ini bukan terhad kepada kumpulan umur tertentu.

Walaupun terdapat sebilangan kecil murid yang masih membaca secara tetap, dapatan keseluruhan menunjukkan bahawa bagi majoriti murid, peranti digital tidak berfungsi sebagai pelengkap kepada bacaan. Sebaliknya, peranti tersebut mengambil alih masa dan perhatian yang sebelum ini diperuntukkan untuk membaca bahan bercetak.

Jadual 6

Percanggahan Penggunaan Peranti dengan Membaca

Keputusan sekolah rendah	Perubahan masa pada peranti semasa Pembelajaran di Rumah (HBL)
1. Keseronokan membaca sebelum CB	-.11
2. Perubahan keseronokan membaca semasa CB	-.14
3. Perubahan jumlah bacaan bercetak semasa CB	-.06
4. Perubahan jumlah bacaan digital semasa CB	.06

Dapatan kuantitatif ini disokong oleh bukti kualitatif daripada perbincangan kumpulan fokus, yang memperlihatkan bagaimana murid sendiri mentafsir hubungan antara penggunaan peranti dan membaca. Seorang murid menyatakan, “*I read lesser as I focused too much on playing with my phone*” (“Saya membaca kurang sedikit kerana terlalu fokus bermain dengan telefon”), manakala seorang lagi mengakui, “*I like reading quite a lot but when Circuit Breaker started, I read lesser and play more games on devices*” (“Saya sebenarnya suka membaca, tetapi apabila *Circuit Breaker* bermula, saya membaca kurang dan lebih banyak bermain permainan pada peranti”). Walaupun terdapat murid yang melaporkan bahawa mereka mengawal penggunaan peranti, misalnya hanya menggunakan iPad pada hujung minggu, secara keseluruhan, naratif murid memperkukuh dapatan bahawa peranti digital lebih kerap berfungsi sebagai pesaing kepada aktiviti membaca. Peranti tersebut jarang berperanan sebagai medium yang menyokong pembacaan rekreasi dalam kalangan murid.

Maklum balas murid menunjukkan bahawa kekangan utama dalam bacaan digital dalam kalangan murid sekolah rendah bukan semata-mata isu akses kepada peranti, tetapi kekurangan pengetahuan dan kemahiran untuk mencari bahan bacaan dalam talian secara berkesan (Jadual 7). Murid melaporkan

kesukaran mengenal pasti bahan yang sesuai dengan tahap umur dan kecekapan membaca mereka, serta kekeliruan apabila berhadapan dengan terlalu banyak pilihan tanpa penandaan yang jelas. Ketidakjelasan ini menjadikan proses mencari buku digital sebagai satu pengalaman yang memenatkan dan mengecewakan, berbeza dengan bacaan bercetak yang lebih mudah dinavigasi melalui petunjuk fizikal seperti saiz buku, ilustrasi dan kategori umur. Selain itu, dapatan juga menunjukkan kebergantungan murid kepada ibu bapa untuk memuat turun atau memilih bahan bacaan digital, yang sekali gus mengehadkan autonomi murid dalam membaca secara sendiri.

Jadual 7

Maklum Balas Pelajar tentang Bacaan Digital

Maklum balas asal	Terjemahan ke dalam bahasa Melayu
<i>"If it is like a real book, we know the age and when it's online it's just all there, they never even say which age, sometimes when you want to read it's all for primary 1 sometimes when you want to read other books it can be for primary 6 or adult, so you will never find the book for your age."</i> (Murid Darjah 4)	"Jika ia seperti buku sebenar, kita tahu peringkat umur pembaca. Tetapi dalam talian, semuanya bercampur-aduk dan mereka tidak menyatakan untuk umur berapa. Kadang-kadang apabila kita mahu membaca, buku itu sesuai untuk Darjah 1, dan kadang-kadang pula buku itu untuk Darjah 6 atau orang dewasa. Jadi kita tidak akan dapat mencari buku yang sesuai dengan umur kita."
<i>"I tried, like, I wanted to read this specific book very badly but I couldn't find it anywhere, so I tried reading online. I couldn't find the right one like, there were many versions of it and I just thought it was very confusing and like, yeah, I just couldn't do it."</i> (Pelajar Menengah 2)	"Saya pernah cuba. Saya sangat ingin membaca sebuah buku tertentu tetapi tidak dapat mencarinya di mana-mana, jadi saya cuba membacanya dalam talian. Tetapi saya tidak dapat mencari versi yang betul kerana terdapat terlalu banyak versi, dan semuanya sangat mengelirukan. Akhirnya saya tidak tahu apa yang perlu dibuat."
<i>"I don't really buy books on my Kindle cause my parents just download books on it. I don't know how but they download books onto it for me."</i> (Pelajar Menengah 2)	"Saya sebenarnya tidak membeli buku sendiri di Kindle kerana ibu bapa saya yang memuat turun buku ke dalamnya. Saya tidak tahu caranya, tetapi mereka yang memuat turun buku untuk saya."

Secara keseluruhan, dapatan ini mencadangkan bahawa literasi carian dan pemilihan bahan bacaan digital belum berkembang sepenuhnya dalam kalangan murid sekolah rendah, sekali gus menyumbang kepada tahap penggunaan bacaan digital yang rendah walaupun peranti tersedia.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini dapat ditafsir secara lebih bermakna apabila diselaraskan dengan kerangka penglibatan membaca, khususnya seperti yang diuraikan oleh Guthrie dan Wigfield (2000) serta Afflerbach dan Harrison (2017), dan diperkukuh oleh kajian mutakhir yang menegaskan hubungan antara keseronokan membaca, jumlah bacaan dan penglibatan berterusan (Allington & McGill-Franzen, 2021; Torppa et al., 2020). Dalam kerangka ini, penglibatan membaca tidak ditentukan oleh motivasi semata-mata, tetapi oleh interaksi antara minat, autonomi, akses bahan, dan konteks sokongan. Dalam konteks kajian ini, medium bacaan, sama ada bercetak atau digital, merupakan sebahagian penting daripada akses bahan dan konteks

sokongan yang membentuk pengalaman serta makna membaca murid. Corak dapatan yang menunjukkan bacaan bahasa Inggeris dialami sebagai aktiviti pilihan sendiri manakala bacaan bahasa ibunda ditafsirkan sebagai tanggungjawab akademik mencerminkan perbezaan tahap penglibatan merentas bahasa. Bahasa Inggeris menyediakan lebih banyak peluang untuk autonomi dan pilihan bahan, sekali gus menyokong penglibatan yang lebih mendalam, manakala bahasa ibunda lebih kerap terikat pada tuntutan kurikulum dan penilaian, yang cenderung mengehadkan pengalaman membaca sebagai aktiviti rekreasi. Dapatan ini mengukuhkan hujah Afflerbach dan Harrison (2017) bahawa penglibatan membaca memerlukan persekitaran yang secara aktif menyokong fokus, pilihan dan kesinambungan bacaan, bukan sekadar kehadiran motivasi awal.

Pada masa yang sama, dapatan kajian ini juga sejajar dengan kerangka ekologi literasi, yang menekankan bahawa tabiat membaca dibentuk oleh rangkaian faktor merentas rumah, sekolah, dan komuniti (Neuman & Celano, 2001; Alexander et al., 2007; Clark et al., 2024; Cremin & Scholes, 2024). Ketidakseimbangan pemilikan buku antara bahasa Inggeris dan bahasa ibunda menunjukkan bahawa peluang membaca tidak diagihkan secara sama rata dalam ekologi literasi murid. Selain itu, terdapat jurang dalaman antara bahasa-bahasa ibunda. Dalam hal ini, murid Melayu berada pada kedudukan yang paling terhad. Dalam konteks ini, peranan perpustakaan sekolah sebagai sumber utama bahan bacaan bahasa Melayu dan Tamil mencerminkan fungsi sekolah sebagai tapak pengimbang ekologi, yang sebahagiannya mengimbangi kekurangan sumber di rumah. Tafsiran ini selari dengan hujah Alexander et al., (2007) bahawa sekolah berfungsi sebagai institusi yang dapat mengurangkan kesan ketidaksamaan peluang belajar, walaupun kesan tersebut bersifat separa dan bergantung pada kekuatan sokongan institusi.

Dapatan berkaitan bacaan digital pula menguatkan hujah bahawa teknologi tidak boleh difahami sebagai faktor neutral dalam ekologi literasi. Walaupun akses kepada peranti meningkat, bacaan digital kekal rendah, terutamanya dalam bahasa ibunda, kerana ekologi penggunaan peranti lebih menyokong hiburan berbanding bacaan. Hal ini sejajar dengan dapatan Sun et al. (2021), serta kajian yang menunjukkan bahawa penggunaan peranti lebih cenderung menyokong keterlibatan segera berbanding pembacaan berpanjangan (Loh & Sun, 2022; Loh et al., 2023). Tambahan pula, kekurangan literasi dalam mencari dan memilih bahan bacaan digital menunjukkan bahawa penggunaan teknologi untuk membaca memerlukan sokongan pedagogi yang disengajakan. Hal ini selaras dengan pandangan bahawa literasi digital perlu diajar dan dibimbing, bukannya diandaikan berkembang secara semula jadi.

Akhirnya, dapatan kajian ini juga boleh dibaca melalui lensa dwibahasa berfungsi dan kuasa institusi bahasa, seperti yang diuraikan oleh Cummins (2001) dan dibincangkan secara kritikal oleh Luke (2019). Dapatan ini juga selari dengan literatur terkini yang menunjukkan bahawa peluang membaca untuk keseronokan sering tertumpu dalam domain bahasa yang menawarkan akses dan pilihan yang lebih luas (Clark et al., 2024). Apabila satu bahasa, dalam kes ini bahasa Inggeris, mendominasi domain bacaan rekreasi, manakala bahasa ibunda terhad kepada fungsi akademik dan penilaian, satu bentuk pembahagian fungsi bahasa yang tidak seimbang terhasil. Dalam keadaan ini, bahasa ibunda berisiko mengalami apa yang Luke (2019) huraikan sebagai pengurangan nilai simbolik dan epistemik dalam kehidupan seharian murid. Dapatan menunjukkan bahawa murid Melayu khususnya bergantung pada sekolah untuk mendapatkan akses kepada bahan bacaan bahasa ibunda. Hal ini menegaskan bahawa tanpa campur tangan institusi yang lebih kukuh, dwibahasa yang dihasilkan cenderung bersifat dwibahasa yang terhad kepada domain tertentu. Dengan kata lain, ia tidak berkembang sebagai dwibahasa yang hidup dan lestari merentas pelbagai konteks.

Secara keseluruhan, dapatan yang diselaraskan dengan kerangka teori ini menunjukkan bahawa cabaran bacaan rekreasi dwibahasa dalam kalangan murid sekolah rendah bukan berpunca daripada sikap dan minat individu. Sebaliknya, cabaran ini merupakan hasil daripada susunan ekologi dan institusi yang

membangkaikan peluang, fungsi dan makna membaca merentas bahasa. Oleh itu, usaha untuk memupuk bacaan rekreasi dwibahasa memerlukan pendekatan sistemik. Pendekatan ini perlu menyelaraskan kurikulum, akses kepada sumber, peranan perpustakaan sekolah, serta pedagogi bacaan digital. Tujuannya adalah untuk memastikan kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa ibunda dapat berfungsi sebagai bahasa penglibatan dan keseronokan membaca.

Murid Dwibahasa Melayu sebagai Kes Analitik

Dapatan berkaitan murid dwibahasa Melayu menyediakan satu kes analitik yang jelas untuk memahami bagaimana ketidakseimbangan struktur dalam ekologi bacaan dwibahasa diterjemahkan kepada pengalaman membaca harian murid. Berbanding rakan daripada kumpulan bahasa ibunda lain, murid Melayu menunjukkan tahap pemilikan buku bahasa Melayu di rumah yang paling rendah, sekali gus menghadkan peluang membina tabiat bacaan rekreasi secara sendiri dalam bahasa tersebut. Akibatnya, bacaan bahasa Melayu bergantung secara tidak seimbang kepada sokongan berasaskan sekolah dan perpustakaan sekolah, menjadikan institusi pendidikan sebagai tapak utama sosialisasi bacaan bahasa Melayu.

Sebagai kes analitik, pengalaman murid Melayu menonjolkan pembahagian fungsi bahasa yang bersifat hierarki: bahasa Inggeris berfungsi sebagai bahasa bacaan pilihan dan keseronokan, manakala bahasa Melayu lebih kerap terikat kepada tuntutan akademik dan penilaian. Pembahagian ini mencerminkan dwibahasa terhad domain, iaitu keadaan di mana peluang untuk mengalami bahasa Melayu sebagai bahasa bacaan rekreasi adalah terhad (Cummins, 2001). Dalam konteks ini, murid Melayu bukan kekurangan minat, tetapi beroperasi dalam ekologi bacaan yang menghadkan autonomi dan pilihan bahan dalam bahasa Melayu.

Dapatan berkaitan bacaan digital mengukuhkan lagi tafsiran ini. Walaupun akses kepada peranti meningkat, bacaan digital dalam bahasa Melayu hampir tidak berlaku, berikutan kekurangan bahan yang sesuai, kesukaran pencarian, dan ketiadaan bimbingan literasi digital. Keadaan ini menunjukkan bahawa teknologi, tanpa sokongan pedagogi yang disengajakan, berisiko mengukuhkan dominasi bahasa Inggeris dalam domain bacaan (Sun et al., 2021; Loh & Sun, 2022). Apabila dibaca melalui lensa kuasa institusi bahasa (Luke, 2019), pengalaman murid Melayu menunjukkan bagaimana hierarki bahasa direproduksi melalui amalan harian, termasuk akses, kurikulum dan peluang membaca. Dapatan ini turut menegaskan keperluan intervensi berasaskan sekolah untuk memperluas fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa bacaan rekreasi.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa tabiat membaca rekreasi murid dwibahasa sekolah rendah di Singapura dibentuk oleh susunan ekologi dan institusi yang tidak seimbang, bukannya oleh kekurangan minat atau motivasi murid. Secara keseluruhan, bahasa Inggeris berfungsi sebagai bahasa bacaan pilihan dan keseronokan. Sebaliknya, bahasa ibunda, khususnya bahasa Melayu, lebih kerap terikat kepada tuntutan akademik, akses yang terhad, serta sokongan berasaskan sekolah. Walaupun murid menunjukkan minat yang serupa terhadap genre bacaan merentas bahasa, perbezaan dalam akses bahan, peranan perpustakaan, dan sokongan bacaan digital telah menghasilkan pengalaman membaca yang berbeza dari segi fungsi dan makna. Dalam keadaan ini, bahasa ibunda berisiko mengalami proses “muziumisasi” (Mukhlis, dalam penerbitan), di mana bahasa dipelihara sebagai objek kurikulum dan simbol identiti, tetapi kurang berfungsi sebagai medium bacaan rekreasi dan penghayatan dalam kehidupan seharian murid.

Dapatan ini menegaskan kepentingan melihat bacaan rekreasi dwibahasa sebagai isu sistemik, yang memerlukan respons berasaskan sekolah dan dasar. Perpustakaan sekolah merupakan tapak penting untuk mengimbangi kekurangan sumber bacaan bahasa ibunda, khususnya bagi murid Melayu. Pada masa yang sama, potensi teknologi untuk menyokong bacaan masih belum dimanfaatkan sepenuhnya tanpa bimbingan pedagogi yang disengajakan. Untuk memastikan dwibahasa yang lebih lestari dan bermakna, usaha memupuk bacaan rekreasi perlu melangkaui intervensi berskala kecil. Usaha ini perlu memberi tumpuan kepada penyusunan semula peluang membaca merentas bahasa agar kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa ibunda dapat berfungsi sebagai bahasa penglibatan, keseronokan, dan pembelajaran sepanjang hayat.

PENGHARGAAN

Para penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak sekolah, guru-guru, dan murid-murid yang terlibat dalam kajian ini.

PENGHARGAAN PENDANAAN

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Singapura (MOE) di bawah *Education Research Funding Programme* (03/19 SBQ) dan ditadbir oleh National Institute of Education (NIE), Nanyang Technological University (NTU), Singapura. Sebarang pandangan, dapatan, serta cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini merupakan pandangan penulis dan tidak semestinya mencerminkan pandangan rasmi MOE dan NIE/NTU, Singapura.

SUMBANGAN PENGARANG

Makalah ini ditulis sepenuhnya oleh penulis pertama dengan sumbangan berharga daripada penulis kedua dalam aspek metodologi dan analisis data.

PERNYATAAN KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan atau penerbitan makalah ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong dapatan kajian ini tidak tersedia secara umum berikutan perjanjian kerahsiaan dan perlindungan privasi peserta, namun boleh diberikan oleh penulis koresponden atas permintaan yang munasabah.

RUJUKAN

- Afflerbach, P., & Harrison, C. (2017). What is engagement, how is it different from motivation, and how can I promote it? *Journal of Adolescent & Adult Literacy*, 61(2), 217–220.
- Alexander, K. L., Entwisle, D. R., & Olson, L. S. (2007). Lasting consequences of the summer learning gap. *American Sociological Review*, 72(2), 167–180.
- Allington, R. L., & McGill-Franzen, A. M. (2021). Reading volume and reading achievement: A review of recent research. *Reading Research Quarterly*, 56, S231-S238.
- Baron, N. S. (2015). *Words onscreen: The fate of reading in a digital world*. Oxford University Press.
- Baron, N. S. (2021). *How we read now: Strategic choices for print, screen, and audio*. Oxford University Press.
- Clark, C. (2012). *Children's and young people's reading today: Findings from the 2011 National Literacy Trust's annual survey*. National Literacy Trust.
- Clark, C., & Rumbold, K. (2006). *Reading for pleasure: A research overview*. National Literacy Trust.
- Clark, C., Picton, I., Cole, A., & Oram, N. (2024). *Children and young people's reading in 2024: Findings from our annual literacy survey*. National Literacy Trust. https://nlt.cdn.ngo/media/documents/Children_and_young_peoples_reading_in_2024_Report.pdf
- Cremin, T., & Scholes, L. (2024). Reading for pleasure: scrutinising the evidence base - benefits, tensions and recommendations. *Language and Education*, 38(4), 537-559.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE.
- Cummins, J. (2001). *Negotiating identities: Education for empowerment in a diverse society* (2nd ed.). Los Angeles, CA: California Association for Bilingual Education.
- Dillman, D. A., Smyth, J. D., & Christian, L. M. (2014). *Internet, phone, mail, and mixed-mode surveys: The tailored design method* (4th ed.). Wiley.
- Fishman, J. A. (1991). *Reversing language shift: Theoretical and empirical foundations of assistance to threatened languages*. Clevedon: Multilingual Matters.
- Guthrie, J. T., & Wigfield, A. (2000). Engagement and motivation in reading. In M. L. Kamil, P. B. Mosenthal, P. D. Pearson, & R. Barr (Eds.), *Handbook of reading research* (Vol. 3, pp. 403–422). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Guthrie, J. T., McRae, A., & Klauda, S. L. (2007). Contributions of concept-oriented reading instruction to knowledge about interventions for motivations in reading. *Educational Psychologist*, 42(4), 237–250.
- Harun Baharudin. 2025. Perspektif guru sekolah rendah daerah Telupid, Sabah: Isu dan pendekatan simulasi lisan frasa bahasa Arab: (Primary schools teachers' perspectives in Telupid district, Sabah: Issues and approaches to verbal simulation of Arabic phrases). (2025). RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra Dan Budaya, 4(1), 23-51. <https://doi.org/10.32890/rentas2025.4.1.2>
- Hennessy, M., Bleakley, A., & Fishbein, M. (2001). Conducting focus groups with middle and high school students: Methodological, strategic, and ethical considerations. *Evaluation Review*, 25(1), 65–85.
- Krashen, S. D. (2011). *Free voluntary reading*. Libraries Unlimited.
- Krueger, R. A., & Casey, M. A. (2015). *Focus groups: A practical guide for applied research* (5th ed.). SAGE.
- Loh, C. E., & Sun, B. (2022). The impact of technology use on adolescents' leisure reading preferences. *Literacy*, 56(4), 327-339.
- Loh, C. E., Sun, B., & Weninger, C. (2023). “Because I have my phone with me all the time”: The role of device access in developing Singapore adolescents' critical news literacy. *Journal of Adolescent & Adult Literacy*, 66(5), 319-329.
- Loh, C. E., Cremin, T., & Scholes, L. (2024). What is the future of young people's volitional reading? Exploring diverse perspectives. *Language and Education*, 38(4), 531-536.

- Luke, A. (2019). Educational policy, narrative and discourse: The construction of social and educational “problems”. *Journal of Education Policy*, 34(3), 333–356.
- Majid, S., Ng, S. S., & Su, M. L. (2018). Reading habits of children in Singapore. *Journal of Librarianship and Information Science*, 50(3), 251–265.
- Ministry of Education, Singapore. (tanpa tarikh). *Learning a Mother Tongue Language in school*. Ministry of Education. Learning a Mother Tongue Language in primary school | MOE.
- Ministry of Education, Singapore. (2025). *Education Statistics Digest 2025*. ESD-2025.pdf
- Mukhlis Abu Bakar (dalam penerbitan). Rebalancing bilingualism: Rethinking mother tongue language education in English-dominant Singapore through the lens of Allan Luke. *Journal of Education, Language and Ideology*.
- Nakanishi, T. (2015). A meta-analysis of extensive reading research. *TESOL Quarterly*, 49(1), 6-37.
- National Institute of Child Health and Human Development [NICHD]. (2000). *Report of the National Reading Panel. Teaching children to read: An evidence-based assessment of the scientific research literature on reading and its implications for reading instruction* (NIH Publication No. 00-4769). Washington, DC: U.S. Government Printing Office.
- Neuman, S. B., & Celano, D. (2001). Access to print in low-income and middle-income communities: An ecological study of four neighborhoods. *Reading Research Quarterly*, 36(1), 8–26.
- Samaon, S., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2025). Penginterpretasian sikap positif dan nilai kemanusiaan dalam sumber pengajaran dan pembelajaran seni bahasa berdasarkan teori relevans. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 4(1), 121–136.
- Shaharir M. Zain. 2022. Beberapa isu pemeribumian linguistik bahasa Melayu: (Issues in indigenisation of Malay linguistics). *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra Dan Budaya*, 1(1), 1-50. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.1>
- Sun, B., Loh, C. E., & Curdt-Christiansen, X. L. (2020). Leisure reading in multilingual Singapore. *Journal of Multilingual Theories and Practices*, 1(2), 313-339.
- Sun, B., Loh, C. E., O’Brien, B. A., & Silver, R. E. (2021). The Effect of the COVID-19 Lockdown on Bilingual Singaporean Children’s Leisure Reading. *AERA Open*, 7(1).
- Sun, B., Loh, C. E., & Nie, Y. (2021). *Report on the Reading Habits of Bilingual Children in Singapore 2021*. National Institute of Education.
- Torppa, M., Niemi, P., Vasalampi, K., Lerkkanen, M. K., Tolvanen, A., & Poikkeus, A. M. (2020). Leisure reading (but not any kind) and reading comprehension support each other-A longitudinal study across grades 1 and 9. *Child development*, 91(3), 876-900.